

**Embargo sehingga jam 1200,
Rabu, 4 Disember 2019**

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN OKTOBER 2019 DAN TEMPOH JANUARI-OKTOBER 2019 #

Nilai Eksport Bulanan Tertinggi Bagi Tahun 2019

Eksport Malaysia pada Oktober 2019 bernilai RM90.59 bilion, nilai eksport bulanan tertinggi direkodkan bagi tahun 2019. Eksport menyusut 6.7% tahun ke tahun disebabkan oleh kesan nilai asas yang tinggi sebanyak RM97.12 bilion pada Oktober 2018. Peningkatan eksport direkodkan ke Singapura, Taiwan, Amerika Syarikat (AS) dan Rusia manakala eksport yang lebih rendah dicatatkan ke Australia, China, Jepun, Thailand dan India.

Jumlah perdagangan bernilai RM163.86 bilion, berkurang 7.6% dan import berjumlah RM73.27 bilion, menurun 8.7% berbanding Oktober 2018. Lebihan dagangan pada Oktober 2019 bernilai RM17.33 bilion, meningkat 2.8% berbanding RM16.85 bilion yang dicatatkan pada Oktober 2018. Ini merupakan lebihan dagangan yang ke-264 bulan berturut-turut sejak November 1997 dan lebihan dagangan bulanan tertinggi direkodkan setakat ini.

Berbanding September 2019, jumlah perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing mencatatkan peningkatan 11.4%, 16.6%, 5.6% dan 107.4%.

Jumlah perdagangan bagi 10 bulan pertama tahun 2019 bernilai RM1.52 trilion, menyusut 2.8%. Eksport pada tempoh ini mencatatkan penurunan 1.8% kepada RM819.13 bilion. Eksport yang lebih rendah dicatatkan ke Hong Kong SAR, Australia,

Jepun, Indonesia dan China. Eksport yang lebih tinggi pula dicatatkan ke Taiwan, AS, India dan Filipina. Import berkurang 3.9% kepada RM700.93 bilion. Selain itu, lebihan dagangan berkembang 13.3% kepada RM118.2 bilion dan mencatatkan lebihan dagangan Januari-Oktober yang tertinggi sejak tahun 2009.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Barangan Optik dan Sainifik Mencatat Nilai Tertinggi yang Baru

Eksport barangan perkilangan pada Oktober 2019 yang merangkumi 85.8% daripada jumlah keseluruhan eksport menurun 4.5% kepada RM77.76 bilion. Namun begitu, eksport barangan optik dan saintifik merekodkan nilai bulanan tertinggi yang baru iaitu RM4.03 bilion, dengan peningkatan dua digit sebanyak 17.6% berbanding Oktober 2018. Eksport yang lebih tinggi juga direkodkan bagi kelengkapan pengangkutan serta barangan galian bukan logam. Eksport yang lebih rendah dicatatkan bagi keluaran petroleum, barangan elektrik dan elektronik (E&E), barangan perkilangan logam serta kimia dan bahan kimia.

Eksport hasil galian (7.5% syer) turun 24.6% kepada RM6.78 bilion. Ini disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport petroleum mentah, berikutan kuantiti eksport dan nilai unit purata (AUV) yang lebih rendah. Namun begitu, eksport petroleum mentah meningkat sebanyak RM294.4 juta ke Singapura.

Eksport keluaran pertanian (6.1% syer) menyusut 8.9% kepada RM5.57 bilion, disebabkan terutamanya oleh penyusutan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit khususnya minyak sawit. Eksport minyak sawit merekodkan penurunan 9.8% tahun ke tahun kepada RM3.26 bilion, kesan daripada penurunan dalam kuantiti eksport dan AUV.

Barangan eksport utama pada Oktober 2019:

- Barangan E&E bernilai RM37.39 bilion dan merangkumi 41.3% daripada jumlah eksport, turun 3.2% berbanding Oktober 2018;

- Keluaran petroleum, RM5.82 bilion, 6.4% daripada jumlah eksport, turun 28.4%;
- Kimia dan bahan kimia, RM4.96 bilion, 5.5% daripada jumlah eksport, turun 12.7%;
- Barangan optik dan saintifik, RM4.03 bilion, 4.4% daripada jumlah eksport, naik 17.6%; dan
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM3.73 bilion, 4.1% daripada jumlah eksport, turun 9.5%.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport barangan perkilangan, hasil galian dan keluaran pertanian masing-masing berkembang 17.2%, 19% dan 7.7%.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2019, eksport barangan perkilangan menurun secara marginal sebanyak 0.6% kepada RM692.47 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018, disebabkan terutamanya oleh pengurangan eksport keluaran petroleum, barangan E&E dan barangan perkilangan logam. Eksport hasil galian menyusut 7.5% kepada RM66.97 bilion berikutan penurunan eksport petroleum mentah. Walau bagaimanapun, eksport gas asli cecair (LNG) merekodkan perkembangan 6% kepada RM34.77 bilion, didorong oleh kuantiti eksport yang lebih tinggi. Eksport keluaran pertanian menurun 5.1% kepada RM53.79 bilion disebabkan terutamanya oleh eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit yang lebih rendah. Namun begitu, kuantiti eksport minyak sawit bagi tempoh ini meningkat sebanyak 10.3%.

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama

ASEAN Mencatat Nilai Syer Bulanan Tertinggi Kepada Jumlah Keseluruhan Perdagangan Sejak Disember 2018

Perdagangan dengan ASEAN pada Oktober 2019 menurun 6.3% tahun ke tahun kepada RM45.93 bilion. Jumlah ini merangkumi 28% daripada jumlah perdagangan Malaysia dan merupakan nilai syer bulanan tertinggi kepada jumlah keseluruhan perdagangan dalam tempoh 11 bulan. Eksport ke ASEAN berkurang 2.8% kepada RM26.69 bilion. Barangan E&E, petroleum mentah dan keluaran petroleum

mencatatkan penyusutan eksport, secara terkumpul barangan ini telah menyumbang 51.3% kepada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini. Namun begitu, eksport kelengkapan pengangkutan, barangan perkilangan logam, jentera, kelengkapan dan peralatan serta barangan besi dan keluli merekodkan peningkatan. Import dari ASEAN menyusut 10.7% kepada RM19.25 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- Singapura RM13.92 bilion, meningkat 4.1%
- Thailand RM4.91 bilion, ↓18.2%
- Viet Nam RM3.06 bilion, ↓1.9%
- Indonesia RM2.66 bilion, ↓3.1%
- Filipina RM1.63 bilion, ↓2.3%
- Brunei RM211.1 juta, ↑6.7%
- Myanmar RM174.4 juta, ↓24.0%
- Kemboja RM126.2 juta, ↑4.3%
- Lao PDR RM2.8 juta, ↑9.7%

Eksport ke pasaran utama ASEAN yang mencatatkan peningkatan adalah **Singapura**, yang meningkat sebanyak 4.1% berikutan kenaikan eksport petroleum mentah dan **Brunei** (↑6.7%, keluaran petroleum).

Perdagangan, eksport dan import masing-masing merekodkan peningkatan 19.1%, 23.4% dan 13.7% berbanding September 2019.

Pada Januari hingga Oktober 2019, perdagangan dengan ASEAN menyusut 4.2% kepada RM406.37 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport ke rantau ini berjumlah RM235.8 bilion, turun secara marginal sebanyak 0.7% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport yang lebih rendah dicatatkan bagi keluaran petroleum, petroleum mentah dan barangan E&E manakala peningkatan eksport direkodkan bagi barangan besi dan keluli, jentera, kelengkapan dan peralatan serta LNG. Import menurun 8.8% kepada RM170.56 bilion.

Eksport Bulanan Tertinggi ke China Sejak November 2018

Pada Oktober 2019, perdagangan dengan China yang mewakili 16.8% daripada jumlah perdagangan Malaysia atau RM27.46 bilion, berkurang 8.6% tahun ke tahun. Eksport bernilai RM13.59 bilion, menguncup 11% berikutan penurunan eksport barangan E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia serta petroleum mentah. Namun begitu, ini merupakan nilai eksport bulanan tertinggi direkodkan ke China sejak November 2018. Barangan yang mencatatkan peningkatan adalah barangan optik dan saintifik, bijih logam dan serpihan logam, petroleum kondensat dan minyak petroleum lain serta barangan kertas dan palpa. Import dari China turun 6.2% kepada RM13.87 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dan eksport naik 8.8% dan 25.2%, manakala import menyusut 3.7%.

Perdagangan dengan China pada tempoh Januari hingga Oktober 2019 berjumlah RM256.45 bilion, menurun 1.6% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport ke China menyusut sebanyak 1.8% kepada RM113.39 bilion, disebabkan oleh penurunan eksport barangan E&E, keluaran petroleum dan petroleum mentah. Namun begitu, perkembangan eksport dapat dilihat bagi LNG (↑RM1.33 bilion), barangan besi dan keluli (↑RM1.04 bilion), barangan kertas dan palpa (↑RM0.66 bilion) serta kimia dan bahan kimia (↑RM0.42 bilion). Import dari China mencatatkan penurunan 1.4% kepada RM143.06 bilion.

Eksport ke AS Terus Berkembang Pada Oktober 2019

Perdagangan dengan AS pada Oktober 2019 yang merangkumi 9.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia naik 4.6% kepada RM15.13 bilion. Eksport ke AS terus meningkat bagi 7 bulan berturut-turut dengan peningkatan 2.7% tahun ke tahun kepada RM8.87 bilion pada Oktober 2019. Eksport yang lebih tinggi direkodkan bagi barangan perkilangan terutamanya barangan optik dan saintifik, barangan kayu, kelengkapan pengangkutan serta barangan perkilangan plastik. Import dari AS naik sebanyak 7.5% kepada RM6.26 bilion.

Berbanding September 2019, perdagangan, eksport dan import masing-masing berkembang 9.8%, 7.9% dan 12.6%.

Bagi tempoh 10 bulan pertama tahun 2019, perdagangan dengan AS naik 4.7% kepada RM135.39 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport meningkat 4.4% kepada RM78.87 bilion disumbangkan oleh peningkatan eksport barangan E&E, barangan kayu, barangan perkilangan plastik, barangan makanan diproses dan barangan galian bukan logam. Import dari AS berkembang 5.3% kepada RM56.53 bilion.

EU – Eksport dan Import Meningkat Bulan ke Bulan

Perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) yang menyumbang 8.8% kepada jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan pengurangan 9.2% tahun ke tahun kepada RM14.35 bilion. Eksport berjumlah RM8.12 bilion, menyusut 5.2% berikutan penurunan eksport barangan perkilangan logam, barangan E&E, keluaran getah serta barangan besi dan keluli. Sementara itu, peningkatan eksport dapat dilihat bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, jentera, kelengkapan dan peralatan serta barangan optik dan saintifik. Secara keseluruhan, barangan ini meningkat 8.8% berbanding Oktober 2018. Import dari EU bernilai RM6.23 bilion, berkurang 13.8%.

Berbanding September 2019, perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat sebanyak 6.5%, 10.3% dan 1.9%.

Perdagangan dengan EU bagi 10 bulan pertama tahun 2019 menurun 4.5% kepada RM146.51 bilion. Eksport bernilai RM80.94 bilion, jatuh 2.7% disebabkan oleh pengurangan eksport barangan perkilangan logam, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta kimia dan bahan kimia. Peningkatan eksport direkodkan bagi barangan E&E, keluaran petroleum serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari EU berkurang 6.6% kepada RM65.57 bilion.

Jepun – Perdagangan Meningkat Berbanding September 2019

Pada Oktober 2019, perdagangan dengan Jepun yang menyerap 6.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia menyusut 10.1% tahun ke tahun kepada RM11.02 bilion. Eksport berjumlah RM5.42 bilion, menurun 20.1% berikutan pengurangan eksport LNG, barangan E&E, barangan perkilangan logam dan barangan kayu. Peningkatan eksport direkodkan bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, barangan makanan diproses, kelengkapan pengangkutan serta barangan galian bukan logam. Barangan ini secara keseluruhan telah berkembang sebanyak 38.6% kepada RM439.5 juta. Import dari Jepun naik 2.3% kepada RM5.6 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dan import berkembang 2.6% dan 5.3%, manakala eksport berkurang secara marginal sebanyak 0.02%.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2019, perdagangan dengan Jepun turun 4.1% kepada RM106.61 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport bernilai RM54.9 bilion, penurunan sebanyak 5.7% disebabkan oleh eksport yang lebih rendah bagi LNG, barangan kayu serta barangan optik dan saintifik. Peningkatan eksport direkodkan bagi kelengkapan pengangkutan, barangan makanan diproses serta tekstil, pakaian dan kasut. Barangan ini secara keseluruhan meningkat 21.5% kepada RM3.11 bilion. Import dari Jepun berkurang 2.4% kepada RM51.72 bilion.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada Oktober 2019, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang merangkumi 62.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia bernilai RM102.3 bilion, berkurang 8.9% tahun ke tahun. Eksport ke negara rakan dagang FTA bernilai RM54.61 bilion, turun 10.6% dan import berjumlah RM47.7 bilion, menyusut 6.9%.

Peningkatan eksport direkodkan ke **Kemboja**, sebanyak 4.3% kepada RM126.2 juta terutamanya berikutan peningkatan eksport keluaran petroleum dan **Lao PDR** (↑9.7%, RM2.8 juta, barangan E&E).

Berbanding September 2019, perdagangan, eksport dan import masing-masing merekodkan kenaikan 11.2%, 15.7% dan 6.4%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA bagi tempoh 10 bulan pertama tahun 2019 yang merangkumi 62.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia bernilai RM943.48 bilion, turun 3.2%. Eksport berjumlah RM500.61 bilion, menyusut 2.3% manakala import berkurang 4.2% kepada RM442.87 bilion.

Prestasi Import

Jumlah import bagi bulan Oktober 2019 menyusut 8.7% kepada RM73.27 bilion berbanding RM80.27 bilion pada Oktober 2018. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 71.1% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barang pengantara**, berjumlah RM37.52 bilion atau 51.2% syer daripada jumlah import, menurun 5.1%, berikutan pengurangan import alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan) terutamanya alat ganti jentera dan kelengkapan elektrik;
- **Barang modal**, bernilai RM8.48 bilion atau 11.6% daripada jumlah import, turun 11.5%, disebabkan terutamanya oleh import yang lebih rendah bagi barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan) khasnya alat ganti jentera dan kelengkapan elektrik; dan
- **Barang penggunaan**, berjumlah RM6.13 bilion atau 8.4% daripada jumlah import, menguncup 5%, berikutan pengurangan import bahan tidak tahan lama, terutamanya barangan farmaseutikal.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2019, import bernilai RM700.93 bilion, menyusut 3.9% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. **Barang pengantara** berjumlah RM384.33 bilion, meningkat 0.5%, **barang modal** (RM81.92 bilion, ↓11.5%) dan **barang penggunaan** (RM60.44 bilion, ↑1%).

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai "barangan fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran".

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan "PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN" yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Rabu, 4 Disember 2019 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).

+ Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).

Data bulan Oktober 2019 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangan tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.

Rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turki, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile dan Lao PDR.

JADUAL 1 : RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah</u> <u>Ekspor</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Import</u> (RM Juta)	<u>Imbangan</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)
2018^f				
Januari	83,252.4	73,201.3	10,051.1	156,453.7
Februari	70,552.3	61,416.8	9,135.6	131,969.1
Mac	84,855.7	69,896.7	14,959.0	154,752.4
April	84,636.4	71,373.5	13,262.9	156,009.9
Mei	82,862.0	74,039.6	8,822.4	156,901.6
Jun	78,845.2	72,746.2	6,098.9	151,591.4
Julai	86,474.6	78,349.1	8,125.5	164,823.8
Ogos	81,982.2	80,536.1	1,446.1	162,518.3
September	83,341.9	67,770.9	15,571.0	151,112.9
Oktober	97,122.0	80,270.5	16,851.6	177,392.5
November	85,542.5	77,046.3	8,496.2	162,588.8
Disember	84,119.5	73,156.9	10,962.6	157,276.5
2018 (Jan-Dis)^f	1,003,586.9	879,804.0	123,782.9	1,883,390.9
2019^p				
Januari	85,399.9	73,885.7	11,514.2	159,285.5
Februari	66,599.5	55,543.1	11,056.4	122,142.5
Mac	84,063.2	69,678.9	14,384.2	153,742.1
April	85,155.0	74,345.6	10,809.4	159,500.6
Mei	84,138.2	75,062.7	9,075.5	159,201.0
Jun	76,143.2	65,631.0	10,512.2	141,774.2
Julai	87,958.4	73,682.5	14,275.9	161,640.9
Ogos	81,357.4	70,460.9	10,896.4	151,818.3
September	77,721.3	69,367.2	8,354.0	147,088.5
Oktober	90,594.0	73,268.1	17,325.9	163,862.1
Perubahan m-o-m (%)	16.6	5.6	107.4	11.4
Perubahan y-o-y (%)	-6.7	-8.7	2.8	-7.6
2018 (Jan-Okt) ^f	833,924.8	729,600.8	104,324.0	1,563,525.6
2019 (Jan-Okt)^p	819,129.9	700,925.8	118,204.2	1,520,055.7
Perubahan (%)	-1.8	-3.9	13.3	-2.8

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

Barangan	Oktober 2019 ^p	September 2019 ^p	Oktober 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	90,594.0	77,721.3	97,122.0	16.6	-6.7
Barangan E&E	37,393.9	29,043.5	38,637.7	28.8	-3.2
Keluaran Petroleum	5,823.1	5,359.8	8,132.3	8.6	-28.4
Kimia & Bahan Kimia	4,955.1	4,330.9	5,676.8	14.4	-12.7
Barangan Optik & Saintifik	4,027.7	3,552.2	3,424.2	13.4	17.6
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	3,730.4	3,429.4	4,121.3	8.8	-9.5
LNG	3,626.8	3,265.5	4,372.4	11.1	-17.1
Barangan Perkilangan Logam	3,503.9	3,335.2	4,378.4	5.1	-20.0
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,446.2	3,282.0	3,327.5	5.0	3.6
Keluaran Getah	2,133.7	2,095.5	2,397.8	1.8	-11.0
Barangan Makanan Diproses	1,979.7	1,792.4	1,795.5	10.5	10.3

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

Pasaran	Oktober 2019 ^p	September 2019 ^p	Oktober 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	90,594.0	77,721.3	97,122.0	16.6	-6.7
Singapura	13,923.6	10,733.9	13,373.7	29.7	4.1
China	13,585.6	10,849.2	15,272.8	25.2	-11.0
AS	8,871.4	8,224.8	8,641.4	7.9	2.7
Hong Kong SAR	7,400.4	5,063.5	7,393.9	46.1	0.1
Jepun	5,420.2	5,421.2	6,781.5	-0.02	-20.1
Thailand	4,906.9	4,018.6	5,999.1	22.1	-18.2
Taiwan	4,240.2	3,101.5	3,800.3	36.7	11.6
Viet Nam	3,056.1	2,464.1	3,115.7	24.0	-1.9
ROK	2,913.1	2,801.6	3,081.7	4.0	-5.5
India	2,667.8	2,938.4	3,046.3	-9.2	-12.4

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - OKTOBER)

Barangan	Jan-Okt 2019 ^p	Jan-Okt 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	819,129.9	833,924.8	-1.8
Barangan E&E	314,022.2	317,512.7	-1.1
Keluaran Petroleum	58,237.8	63,556.2	-8.4
Kimia & Bahan Kimia	47,258.8	47,323.0	-0.1
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	35,557.6	38,071.8	-6.6
Barangan Perkilangan Logam	34,877.4	37,888.4	-7.9
LNG	34,766.1	32,786.5	6.0
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	34,233.8	33,946.4	0.8
Barangan Optik & Sainifik	31,342.9	30,115.1	4.1
Petroleum Mentah	21,656.7	30,491.6	-29.0
Keluaran Getah	20,965.4	21,994.6	-4.7

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - OKTOBER)

Pasaran	Jan-Okt 2019 ^p	Jan-Okt 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	819,129.9	833,924.8	-1.8
Singapura	113,774.5	115,248.9	-1.3
China	113,393.3	115,499.9	-1.8
AS	78,866.1	75,564.5	4.4
Hong Kong SAR	56,537.5	62,392.3	-9.4
Jepun	54,895.1	58,217.7	-5.7
Thailand	47,614.8	47,840.0	-0.5
India	32,064.7	30,394.6	5.5
Taiwan	30,828.5	27,065.5	13.9
Viet Nam	28,496.6	28,080.6	1.5
ROK	27,523.1	27,417.3	0.4

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT

Barangan	Oktober 2019 ^p	September 2019 ^p	Oktober 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	73,268.1	69,367.2	80,270.5	5.6	-8.7
Barangan E&E	21,872.4	20,056.3	23,800.5	9.1	-8.1
Kimia & Bahan Kimia	6,470.7	6,619.7	7,711.4	-2.3	-16.1
Keluaran Petroleum	6,411.2	6,610.5	9,355.9	-3.0	-31.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,686.4	6,042.7	6,245.1	-5.9	-8.9
Barangan Perkilangan Logam	5,199.2	3,764.5	4,234.9	38.1	22.8
Kelengkapan Pengangkutan	3,286.6	3,042.1	3,573.3	8.0	-8.0
Barangan Besi & Keluli	2,971.6	2,821.5	2,441.1	5.3	21.7
Barangan Optik & Saintifik	2,172.7	2,067.8	2,055.3	5.1	5.7
Barangan Makanan Diproses	1,722.3	1,499.9	1,800.7	14.8	-4.4
Petroleum Mentah	1,422.0	2,149.3	2,341.5	-33.8	-39.3

JADUAL 7: SUMBER UTAMA IMPORT

Sumber	Oktober 2019 ^p	September 2019 ^p	Oktober 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	73,268.1	69,367.2	80,270.5	5.6	-8.7
China	13,872.1	14,398.7	14,782.1	-3.7	-6.2
Singapura	9,083.6	7,697.9	10,195.4	18.0	-10.9
AS	6,258.6	5,560.5	5,823.2	12.6	7.5
Jepun	5,601.5	5,319.0	5,476.4	5.3	2.3
Taiwan	4,643.1	4,449.9	6,219.9	4.3	-25.4
Thailand	3,888.1	3,542.4	4,086.7	9.8	-4.9
Indonesia	3,655.9	3,104.9	4,178.7	17.7	-12.5
ROK	3,132.9	3,633.9	3,840.9	-13.8	-18.4
Australia	2,949.2	1,751.9	2,192.1	68.3	34.5
India	2,356.9	2,300.3	2,935.1	2.5	-19.7

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI - OKTOBER)

Barangan	Jan-Okt 2019 ^p	Jan-Okt 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	700,925.8	729,600.8	-3.9
Barangan E&E	203,045.8	218,356.9	-7.0
Kimia & Bahan Kimia	68,268.3	68,943.8	-1.0
Keluaran Petroleum	62,027.8	69,905.6	-11.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	58,043.6	61,402.4	-5.5
Barangan Perkilangan Logam	38,336.7	38,111.7	0.6
Kelengkapan Pengangkutan	33,653.9	37,513.0	-10.3
Barangan Besi & Keluli	26,038.5	25,916.2	0.5
Petroleum Mentah	21,393.4	18,289.7	17.0
Barangan Optik & Saintifik	19,841.4	19,486.8	1.8
Barangan Makanan Diproses	16,605.5	16,318.8	1.8

JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI - OKTOBER)

Sumber	Jan-Okt 2019 ^p	Jan-Okt 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	700,925.8	729,600.8	-3.9
China	143,061.1	145,070.2	-1.4
Singapura	73,976.1	86,272.9	-14.3
AS	56,528.8	53,706.8	5.3
Jepun	51,717.8	52,986.4	-2.4
Taiwan	47,456.0	53,010.5	-10.5
Thailand	37,122.7	40,272.5	-7.8
ROK	32,461.8	32,690.8	-0.7
Indonesia	32,238.6	33,601.9	-4.1
Jerman	22,549.8	21,952.2	2.7
Australia	19,775.2	17,817.8	11.0

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia
 Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

p - data provisional

f – data muktamad

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2013 – OKTOBER 2019

